



Ahmad Tajuddin menerima pingat kebesaran 'The Order of the Rising Sun, Gold Rays with Neck Ribbon' daripada Duta Jepun ke Malaysia, Dr Makio Miyagawa, di Kedutaan Jepun, Kuala Lumpur.

## Pengerusi SIRIM terima anugerah tertinggi Jepun

Oleh Fahmy A Rosli  
fahmy.azril@bh.com.my

[f Share](#) [Twitter Tweet](#) [g+ Share](#)

KUALA LUMPUR: Pengerusi SIRIM Bhd, Tan Sri Dr Ahmad Tajuddin Ali menerima pingat kebesaran The Order of the Rising Sun, Gold Rays with Neck Ribbon daripada Kerajaan Jepun.

Penganugerahan pingat itu susulan sumbangannya dalam menggalakkan kerjasama ekonomi antara Malaysia dengan Jepun.

Duta Besar Jepun ke Malaysia, Dr Makio Miyagawa, berkata Ahmad Tajuddin mempunyai kerjaya yang cemerlang dalam sektor kerajaan dan korporat termasuk pernah menerajui beberapa organisasi.

"Ketika menjadi Pengerusi Suruhanjaya Tenaga, Ahmad Tajuddin menganjurkan persidangan pertama berkaitan bekalan dan permintaan tenaga, selain menyediakan peluang berharga buat Jepun berkongsi pengetahuan serta pengalaman dengan negara ini.

"Ahmad Tajudin juga mempunyai kerjaya cemerlang dalam sektor kerajaan dan korporat. Beliau menerajui organisasi antaranya sebagai Pengerusi Eksekutif Tenaga Nasional Berhad (TNB), Pengerusi Gas Malaysia Sdn Bhd dan Pengerusi Suruhanjaya Tenaga Malaysia. Pada masa ini, selain Pengerusi SIRIM Berhad, beliau juga Pengerusi Kumpulan Industri Kerajaan Untuk Teknologi Tinggi (MIGHT)," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Miyagawa turut mengimbau kembali kenangan ketika Ahmad Tajuddin memegang jawatan Ketua Pengarah SIRIM antara tempoh 1989 hingga 1996.

Beliau berkata, banyak standard keselamatan bagi produk elektrik dibangunkan ketika itu.

"Ini membantu meningkatkan keselamatan dalam kalangan pengguna di Malaysia dan mengukuhkan daya saing produk elektrik yang dibuat di Malaysia termasuk yang dihasilkan syarikat elektrik dan elektronik Jepun," katanya.